



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (19 DISEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **dua (2) kes** positif COVID-19 dikesan di Sibü (1) dan Miri (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,087 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19**

##### **i. Daerah Sibü: Saringan Pra Pembedahan (1 Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,086** merupakan seorang pesara lelaki warga tempatan (Sarawak) yang menjalani saringan COVID-19 sebelum pembedahan dilakukan di Hospital Sibü. Kes ini telah menjalani saringan pada 18 Disember 2020 dan keputusan pada hari yang sama mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala dan telah dirujuk ke Hospital Sibü untuk rawatan lanjut. Kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara atau kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 dalam tempoh 14 hari yang lepas dan tidak mempunyai kontak kepada mana-mana kes positif COVID-19.

Siasatan lanjut serta pengesanan kontak bagi kes ini sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

**ii. Daerah Miri: Saringan Individu Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19 (1 Kes Baharu Import-B)**

**Kes 1,087** merupakan seorang guru yang telah menjalani saringan COVID-19 sebagai individu yang baru balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 iaitu dari Selangor. Kes telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Miri pada 15 Disember 2020.

Kes telah diarahkan untuk menjalani kuarantin di rumah selama 14 hari kerana tiada kekosongan di pusat kuarantin dan keadaan rumah yang sesuai dimana kes tinggal seorang diri.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 17 Disember 2020 dan keputusan ujian adalah positif COVID-19. Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut.

Pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan dan kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

**B. Kluster COVID-19 Yang Diisytiharkan Tamat.**

Hari ini, **Kluster Besi di Daerah Kuching telah diisytiharkan tamat** setelah tiada kes baharu dilaporkan dalam tempoh 28 hari dari tarikh kes terakhir dikesan. Dengan ini, tiada lagi kluster COVID-19 yang aktif di negeri Sarawak.

**C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

**Terdapat dua (2)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj meningkat kepada **1,052** orang atau **96.78%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **16** orang iaitu:

- 11 kes di Hospital Umum Sarawak;
- Tiga (3) kes di Hospital Sibui;
- Satu (1) kes di Hospital Bintulu; dan
- Satu (1) kes di Hospital Miri

Hari ini, **tiga (3) PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Daerah Sibu dan Serian kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan tiga (3) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Sibu (2) dan Serian (1). Manakala 38 buah daerah lain kekal berstatus Hijau.

#### **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan dua (2) notis kompaun di Daerah Kuching kerana telah melanggar SOP.

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **91 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu MPP (27), SMC (20), DBKU (16), MD Marudi (15), BDA (4), MDDM (4), MD Lawas (3) dan MDMJ (2).

#### **3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini, sebanyak **1,227 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (138), Restoran (302), Kilang (9), Bank (71), Pejabat Kerajaan (13), Penjaja (87), Pasar Tani/Awam (67), Tempat Ibadah (50), Tempat Riadah (36), Tapak Pembinaan (11) dan lain-lain (443).

Seramai **587 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (279), ATM (33), RELA (131), APM (86), PBT (51), KKM (3) dan lain-lain agensi (4).

#### **4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,243** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**19 DISEMBER 2020**  
**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	1085	Total Cases still in ward	16	1.47%	
New Cases	2	Cases in Intensive Care Unit (ICU)	0	0.00%	
Total Samples by Individu	201,334	Intubated Cases	0	0.00%	
Cumm. Positive Cases	1087	Total Death Cases	19	1.75%	
IR per 100,000 population	35.24	Recovered and discharged cases	1,052	96.78%	
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative	
Negative	0	9,958	Patient Under Investigation (PUI)	3	11,046
Pending Result	1	1			

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	11	3	1	1	0	16
Kes di Intensive Care Unit (ICU)	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	2	0	0	0	2
	Cummulative	875	43	49	79	1048
Total re-admission cases (Re-tested Positive)	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	1	336	0	27	0	25	0	0	2	1	1
2	Sibu	1	131	1	26	0	23	0	0	3	7	2
Jumlah		2	467	1	53	0	48	0	0	5	8	3

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	0	7,483	0	721	2	701	0	12	8	8	0
2	Miri	1	913	1	59	0	57	0	1	1	1	0
3	Lawas	0	29	0	11	0	11	0	0	0	0	0
4	Lundu	0	262	0	7	0	7	0	0	0	0	0
5	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
6	Samarahan	0	608	0	116	0	112	0	4	0	0	0
7	Bintulu	0	327	0	50	0	49	0	0	1	1	0
8	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Bau	0	187	0	7	0	7	0	0	0	0	0
10	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
11	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
12	Tebedu	0	8	0	3	0	3	0	0	0	0	0
13	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	57	0	5	0	3	0	1	1	1	0
15	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
19	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>	<b>10,579</b>	<b>1</b>	<b>1,034</b>	<b>2</b>	<b>1,004</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>11</b>	<b>11</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>3</b>	<b>11,046</b>	<b>2</b>	<b>1,087</b>	<b>2</b>	<b>1,052</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>16</b>	<b>19</b>	<b>3</b>

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **468** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **42 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,944 orang**. Manakala seramai **41,621 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 19.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,172)</b>	Hock Lee	49
2		Grand Dormani	52
3		Kuching Park	65
4		Pullman	430
5		Hilton	272
6		Harbour View	148
7		Riverside (Astana Wing)	261
8		Grand Margherita	312
9		Imperial Boulevard	122
10		Tune Hotel	13
11		Dormani Hotel	14
12		Grand Continental	168
13		Meritin	39
14		Longhouse	41
15		Abell	6
16		Lot 10	45
17		Telang Usan	47
18		Imperial Riverbank	88
19	<b>Miri (1,060)</b>	Mega Hotel	152
20		Somerset	46
21		Imperial Palace	225
22		Eastwood Valley	79
23		Imperial New Wing	97
24		Paragon	57
25		Meritz	138
26		Miri	42
27		Dynasty	124
28		Kenyalang Suite	25
29		Citi Hotel	33
30	Nova	42	
31	<b>Bintulu (375)</b>	Wasan Inn	36
32		Fairfield by Marriot	150
33		Kidurong Inn	60
34		Motel Kapok	65
35		Faber Inn	37
36		AA Inn	27
37	<b>Limbang (177)</b>	Purnama	52
38		Seri Malaysia (Lawas)	99
39		Mandarin (Lawas)	26
40	<b>Sibu (68)</b>	Premier	68
41	<b>Samarahan (92)</b>	INFRA	62
42		Kolej Rafflesia, UNIMAS	30
<b>Jumlah PUS</b>			<b>3,944</b>



### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **2 lokasi di Sibü (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,090 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 19.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
1	Kuching	TIADA	703
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>425</b>
<b>3</b>	<b>Sibü</b>	<b>1</b>	<b>197</b>
4	Samarahan	TIADA	138
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	119
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,090</b>

#### 4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **35 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 19.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MPP	2
2	MD Serian	3
3	SMC	10
4	NDA	2
5	MCC	13
6	MD Marudi	5
<b>Jumlah</b>		<b>35</b>